

# Arab Saudi dipelawa melabur bidang utama Malaysia

Oleh **MOHD. FADHLI**  
**MOHD. SULAIMAN**  
fadhli.sulaiman@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Sektor perniagaan Arab Saudi digalakkan untuk melabur dalam bidang yang menjadi keutamaan di Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, bidang berkenaan iaitu teknologi digital, sekuriti makanan dan infrastruktur.

Galakan itu dimaklumkan selepas beliau bertemu dengan ketua-ketua industri perniagaan yang terlibat dalam sektor perdagangan dan strategik di negara berkenaan.

“Sekali lagi saya menyeru mereka untuk melabur di negara kita serta menjalinkan kerjasama dengan syarikat di Malaysia dan kerajaan komited untuk memudahkan setiap urusan ini.

“Semoga usaha ini dapat perkukuhkan lagi kerjasama Malaysia dan Arab Saudi,” katanya menerusi hantaran ringkas di Facebook semalam.

Sementara itu, media melaporkan, Anwar menyaksikan pemeteraian tiga memorandum persefahaman (MoU) antara syarikat swasta Malaysia dan Arab Saudi.



**ANWAR Ibrahim ketika mengadakan sesi pertemuan bersama ketua-ketua industri perniagaan yang terlibat dalam sektor perdagangan serta pelbagai sektor strategik di Arab Saudi, semalam. - G AMBAR PEJABAT PERDANA MENTERI**

Ketiga-tiga MoU itu ditan-datangani antara Dagang Nexchange Bhd. dan Ajan & Bros Holding Group Co; Dewan Perniagaan Antarabangsa Kuala Lumpur dan Wadi Makkah Knowledge Co; dan Whub International Sdn. Bhd. dan Eroman Technologies Sdn. Bhd.

Anwar dan delegasinya yang kini dalam lawatan rasmi ke Arab Saudi mengadakan pertemuan dengan kira-kira 20 pemimpin syarikat negara itu dalam mesyuarat meja bulat untuk membincangkan kerjasama dan sektor-sektor baharu yang boleh diterokai ber-

sama.

Dalam mesyuarat itu, beliau memberi jaminan kepada pemimpin industri Arab Saudi bahawa mereka kini boleh mengharapkan kestabilan politik di Malaysia serta pendekatan perniagaan yang lebih dinamik daripada kerajaan semasa.